

KUALA LUMPUR, 19 OGOS (BERNAMA)--DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENEGASKAN PENTINGNYA SATU PENDEKATAN SISTEMATIK DALAM PENGAJIAN TINGGI DI NEGARA INI BAGI MENCAPAI HASIL MAKSIMA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, SEBAGAI SEBUAH NEGARA MEMBANGUN YANG KURANG PULA SUMBER-SUMBER KEWANGAN SERTA KAKITANGANNYA, MALAYSIA TIDAK MAMPU MENGANUT SIKAP TIDAK CAMPURTANGAN DI BIDANG PELAJARAN.

KETIKA MENYAMPAIKAN PIDATONYA MENGENAI PENYELARASAN DALAM PENGAJIAN TINGGI SEMENA MEMPERINGATI TUN (DR.) ISMAIL DI SINI, BELIAU BERKATA, PERANCANGAN DI NEGARA INI MESTILAH LEBIH TEGAS DAN DIASASKAN KEPADA MATLAMAT-MATLAMAT TERTENTU.

+RANCANGAN SAHAJA TIDAK MEMADAI JIKA TIDAK DILAKSANAKAN DENGAN TELITI. KESILAPAN AKAN TIMBULA DAN MENJADI BERTAMBAH RUMIT JIKA PADA MULANYA LAGI RANCANGAN ITU TIDAK BETUL.+

DR. MAHATHIR MENAMBAH, AKAN TETAPI SATU PENDEKATAN YANG SISTEMATIK ADALAH SENTIASA LEBIH BAIK DARI SIKAP +MEMBIARKAN APA SAHAJA YANG BAIK DILAKUKAN.+ --BERSAMBUNG 1752/MD

B636

MAHATHIR-PELAJARAN 2 KUALA LUMPUR

BELIAU YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA, DASAR-DASAR BEBAS OLEH PIHAK-PIHAK BERKUASA YANG TERLALU BEBAS TIDAK MEMPUNYAI TEMPAT DI NEGARA INI.

DENGAN SUMBER-SUMBER KAKITANGAN YANG TERHAD, HANYA PEMUSATAN USAHA BOLEH MENCAPAI HASIL MAKSIMA.

+DENGAN ITU SURUHANJAYA BANTUAN-BANTUAN UNIVERSITI YANG BEBAS DARI KONGKONGAN KERAJAAN TIDAK MEMPUNYAI TEMPAT DALAM HUBUNGANNYA DENGAN PENGAJIAN TINGGI DI NEGARA INI.

+BADAN SERUPA ITU JUGA TIDAK MUNGKIN MEMPUNYAI TEMPAT DI MASA DEPAN.+ *serupama*

DR. MAHATHIR MENAMBAH, KERAJAAN TELAH MENIMBANGKAN CADANGAN-CADANGAN UNTUK MENUBUHKAN SURUHANJAYA SERUPA ITU.

KATANYA, TUJUAN PENDIDIKAN UNIVERSITI DI NEGARA INI ADALAH TIDAK SAMA DENGAN PENDIDIKAN UNIVERSITI DI BRITAIN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MENEGASKAN BAHAWA NEGARA INI PERCAYA DAN YAKIN DENGAN PERANACANGAN MASA DEPAN.

APABILA NEGARA MEMUTUSKAN BAHAWA MASA DEPANNYA BERGANTUNG KEPADA PROSES PERUSAHAAN DAN PERMODENAN KEGIATAN-KEGIATAN EKONOMI, GUNATENAGA BAGI PERALIHAN INI MESTILAH DILATIH AWAL-AWAL LAGI.

--BERSAMBUNG 1757/MD

x1

B637

MAHATHIR-PELAJARAN 3 KUALA LUMPUR

+TEKANAN KE ATAS SAINS DAN TEKNOLOGI YANG MERUPAKAN PERKARA YANG SENTIASA DILAUNG-LAUNGAN BERERTI BAHAWA SUKATAN PELAJARAN SEKOLAH RENDAH, MENENGAH DAN JUGA UNIVERSITI SERTA MAKTAB TEKNIK MESTILAH DIKAJI SEMULA DAN DILAKSANAKAN SEWAJARNYA.+

KATANYA, WALAUPUN PENYELARASAN DI BIDANG PENGAJIAN TINGGI PERLU, TIDAK SEMUA GOLONGAN YANG MENGIKTIRAFINYA, TERMASUKLAH PARA INTELEK YANG MENENTANG SEBARANG SEKATAN ATAU PEMBENDUNGAN.

TAMBAHNYA, PENYELARASAN TIDAK BERERTI PENYEKATAN SEPENUHNYA TERHADAP PENUBUHAN BEBERAPA FAKULTI YANG SAMA DI UNIVERSITI-UNIVERSITI YANG ADA JIKA PENGURUSAN SATU-SATU FAKULTI ITU DI LUAR KEUPAYAAN SEBUAH UNIVERSITI.

DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN BAHAWA BILANGAN SEBENAR PENUNTUT MENGIKUT KAUM DI TIAP-TIAP FAKULTI, SESEBUAH UNIVERSITI ITU, MESTILAH DITENTUKAN.

+INI MERUPAKAN SATU TUGAS YANG RUMIT. IA TELAH MENDEDAHKAN PIHAK KEMENTERIAN KEPADA BERBAGAI RUNGUTAN DAN TOHMAH.+ -- BERNAMA 1902/MD

B663

MAHATHIR - PELAJARAN 4 KUALA LUMPUR
(SAMBUNGAN BERITA 637)

137

SEBELUM ITU, KETIKA MERASMIKAN KONGRES PERUBATAN MALAYSIA-SINGAPURA YANG KE-11 DR. MAHATHIR BERKATA BADAN-BADAN PROFESYENAL DI NEGARA INI BOLEH MEMBERI SUMBANGAN BERKESAN KEPADA USAHA-USAHA KERAJAAN MEMBAIKI TARAF HIDUP RAKYAT.

KATANYA, +SEBAGAI SEBUAH NEGARA MEMBANGUN, PERGANTUNGAN KITA KEPADA BADAN-BADAN PROFESYENAL DALAM PELAKSANAAN SEMUA DASAR KERAJAAN, ADALAH BESAR.+

BELIAU BERHARAP BADAN-BADAN PROFESYENAL AKAN BERTINDAK BALAS DENGAN MEMBERI PANDANGAN DAN NASIHAT SERTA KERJASAMA DIMANA-MANA PERLU.

DR. MAHATHIR JUGA BERHARAP KEMENTERIAN KESIHATAN AKAN MEMBUAT PERUBAHAN KECIL DALAM DASAR DAN KEUTAMAANNYA UNTUK MENGHADAPI BERBAGAI MASAALAH DARI AKAR UMBINYA, SEPERTI YANG DIALAMI DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEDUA.

BELIAU JUGA BERHARAP KONGRES TERSEBUT AKAN MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA CARA-CARA MEMPERBAIKI TARAF KESIHATAN DAN PERUBATAN DI NEGARA INI. - BERNAMA 1955/BW